

## SSM, PrestoMall jalin kerjasama perkasa platform e-dagang

Yulpisman Asli  
20 Ogos 2019 4:11 PM



**PUTRAJAYA 20 Ogos** - Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan syarikat penyedia platform e-dagang, PrestoMall dalam usaha memperkasa perkhidmatan e-dagang di negara ini.

Dalam majlis itu, SSM diwakili oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Nor Azimah Abdul Aziz sementara PrestoMall yang dahulu dikenali sebagai Eleven Street, diwakili Ketua Pegawai Eksekutif, Cheong Chia Chou.

Majlis MoU itu disaksikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail; Timbalannya, Chong Cheing Jen dan Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Muez Abd. Aziz.

Saifuddin Nasution berkata, antara faedah yang akan diperolehi oleh SSM melalui MoU itu adalah peningkatan jumlah pendaftaran perniagaan kerana pihak PrestoMall akan mewajibkan pendaftaran perniagaan dengan SSM ke atas pelanggan yang ingin mendaftar dan memulakan perniagaan di platform kendaliannya.

"Perubahan prosedur ini akan menaikkan statistik pendaftaran perniagaan serta formalisasi perniagaan dan secara tidak langsung dapat meningkatkan kesedaran peniaga dalam talian mengenai kepentingan mematuhi keperluan mendaftarkan perniagaan di bawah undang-undang ditadbir oleh SSM.

"Kolaborasi ini tepat pada masanya memandangkan kes-kes penipuan dalam talian meningkat, kalau tidak dibendung akan menjejaskan keyakinan, kepercayaan pengguna terjejas," katanya kepada pemberita selepas majlis berkenaan di sini hari ini.

Beliau berkata, MoU itu juga membolehkan proses perniagaan dilaksanakan secara telus di mana pengguna maklum akan pihak yang mereka berurusan terutama jika terjadi apa-apa tuntutan pada masa hadapan.

Beliau berkata, ketika ini aduan mengenai perniagaan dalam talian menduduki ranking teratas iaitu sebanyak 26 peratus daripada 2,500 aduan diterima pihaknya sepanjang bulan lalu, mengatasi aduan membabitkan harga barangan dan lain-lain aduan.

Difahamkan, terdapat kira-kira 40,000 peniaga dalam talian dan 14 juta barangan diniagakan di platform PrestoMall.

Sementara itu, rekod SMM menunjukkan terdapat sebanyak lebih 2.6 juta entiti perniagaan aktif di negara ini dengan entiti perniagaan sebanyak 1.9 juta, entiti syarikat 695,127 dan entiti perkongsian liabiliti terhad sebanyak 19,879. Daripada jumlah itu, sebanyak 214,685 entiti perniagaan dilaporkan menjalankan perniagaan dalam talian.

Dalam perkembangan lain, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) turut menandatangani MoU bersama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) membabitkan kerjasama perkongsian kepakaran dan latihan dalam bidang persaingan.

Pada majlis itu, MyCC diwakili Pengerusinya, Datuk Seri Mohd. Hishamudin Md. Yunus; MPC diwakili Timbalan Ketua Pengarah, Datuk Abdul Latif Abu Seman dan UPM oleh Naib Canselornya, Profesor Datin Paduka Dr. Aini Ideri. - UTUSAN ONLINE

